

## RETROSPEKTIF IBU BAPA MENGENAI INTERVENSI AWAL KANAK-KANAK BERKEPERLUAN KHAS DAN IMPLIKASINYA TERHADAP PEMBELAJARAN DI SEKOLAH RENDAH

### PARENTS' RETROSPECTIVE ON EARLY INTERVENTION OF CHILDREN WITH SPECIAL NEEDS AND ITS IMPLICATIONS ON ELEMENTARY SCHOOL LEARNING

Nur Halimah Binti Hasan  
Khairul Farhah Binti Khairuddin

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia  
(Email: p111208@siswa.ukm.edu.my )  
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia  
(Email: kfk@ukm.edu.my)

#### Article history

**Received date** : 26-5-2023  
**Revised date** : 27-5-2023  
**Accepted date** : 2-7-2023  
**Published date** : 7-7-2023

#### To cite this document:

Hasan, N. H., & Khairuddin, K. F. (2023). Retrospektif Ibu Bapa Mengenai Intervensi Awal Kanak-kanak Berkeperluan Khas dan Implikasinya Terhadap Pembelajaran di Sekolah Rendah. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 6 (19), 44 - 58.

---

**Abstrak:** *Intervensi awal terhadap kanak-kanak keperluan khas sangat penting demi kelangsungan hidup dan mendapatkan pendidikan yang baik untuk masa hadapan mereka. Oleh itu, perkhidmatan intervensi awal ini memberi manfaat kepada ibu bapa, keluarga, guru dan diri kanak-kanak itu sendiri. Objektif kajian dijalankan adalah untuk mengenalpasti cabaran yang mempengaruhi implikasi pembelajaran kanak-kanak berkeperluan khas di sekolah rendah dan mengenalpasti jenis perkhidmatan yang diterima sepanjang intervensi awal oleh kanak-kanak berkeperluan khas tersebut. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif, instrumen yang digunakan adalah borang soal selidik yang diedarkan secara atas talian kepada 186 orang ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang bermasalah pembelajaran berumur dalam lingkungan 7 tahun hingga 9 tahun yang sedang belajar di sekolah rendah dan telah mendapatkan perkhidmatan intervensi awal. Teknik persampelan yang digunakan adalah persampelan bertujuan. Data dianalisis menggunakan Statistical Package for the Social Science (SPSS). Kaedah statistik yang digunakan untuk menganalisis dapatan ialah statistik deskriptif seperti kekerapan, peratus dan skor min. Melalui hasil daripada dapatan kajian menunjukkan majoriti ibu bapa yang telah mendapatkan perkhidmatan intervensi awal kanak-kanak menunjukkan implikasi yang positif ke atas diri kanak-kanak berkeperluan khas sepanjang menjalani sesi pembelajaran di sekolah rendah.*

**Kata Kunci:** *Cabaran, Intervensi Awal Kanak-kanak, Implikasi, Perkhidmatan*

**Abstract:** *Early intervention for children with special needs is very important for survival and getting a good education for the future of children with special needs. Therefore, this early intervention service is very beneficial to parents, families and children themselves. The objective of the study is to identify the challenges that affect the learning implications of children with special needs in primary school and to identify the types of services received during early intervention by children with special needs. This study was conducted using a quantitative method where a questionnaire was distributed online to 186 parents who have children with learning disabilities aged around 7 to 9 years who are studying in primary school and have received early intervention services. The sampling technique used is purposive sampling. Data was analyzed using the Statistical Package for the Social Science (SPSS). The statistical method used to analyze the data is descriptive statistics such as frequency, percentage, and mean score. Through the results of the study findings, the majority of parents who have sought early childhood intervention services show positive implications for children with special needs during learning sessions in primary school.*

**Keywords:** *Challenges, Early Childhood Intervention, Implications, Services*

---

## **Pengenalan**

Kanak-kanak berkeperluan khas merujuk kepada tiga kategori iaitu kanak-kanak yang mempunyai masalah penglihatan, pendengaran dan pembelajaran. Kelewatan perkembangan bermaksud pertumbuhan, pergerakan dan percakapan yang lewat daripada perkembangan kanak-kanak normal yang seusia dengan kanak-kanak tersebut. Kebiasaannya kanak-kanak berkeperluan khas ini yang menghadapi kelewatan perkembangan dari aspek fizikal, kognitif, mempunyai pergerakan yang perlahan atau mereka perlu menggunakan alat bantu lain. Intervensi awal adalah usaha yang tersusun untuk meningkatkan perkembangan bayi dan kanak-kanak yang mengalami tumbesaran yang lambat. Ia merupakan satu perkhidmatan dan sokongan yang disediakan kepada kanak-kanak, ibu bapa dan keluarga sejak dari dalam kandungan sehingga berumur 6 tahun. Program intervensi awal kanak-kanak boleh memberi ruang dan membantu ibu bapa dan kanak-kanak berkeperluan khas daripada terus menjadi individu yang bermasalah sama ada untuk diri, keluarga dan masyarakat, Mc William & Canadas Perez (2020). Sistem perkhidmatan dan sokongan intervensi awal bagi kanak-kanak ini telah dilaksanakan berdasarkan konsep model perkembangan yang mencadangkan kepentingan pengalaman awal dan perkembangan awal yang lancar (Guralnick, 2011). Malah penyelidikan berkaitan perkhidmatan intervensi awal yang berkesan telah mendapat pengesahan daripada National Autism Center National Professional Development Center University of North Carolina, Amerika Syarikat.

Perkhidmatan yang disediakan merupakan proses untuk memberi perkhidmatan bantuan, sokongan dan pendidikan kepada kanak-kanak berisiko atau berdepan dengan kelewatan berdasarkan carta perkembangan kanak-kanak. Intervensi awal telah menitikberatkan aspek perkembangan yang menjurus kepada perkembangan keseluruhan individu mengikut carta perkembangan kanak-kanak melalui terapi atau perkhidmatan dari pelbagai disiplin (Addison, 2003). Malah perkhidmatan intervensi ini merangkumi nilai, dasar dan amalan yang mendukung hak setiap bayi dan anak kecil serta keluarga mereka untuk terlibat dalam aktiviti dan konteks sebagai anggota keluarga, komuniti dan masyarakat agar mencapai perkembangan potensi sepenuhnya dalam kalangan kanak-kanak sama ada kurang upaya atau tiada. Pelaksanaan program intervensi awal adalah berdasarkan aktiviti-aktiviti yang boleh meningkatkan kebolehan kanak-kanak supaya menjadi individu yang mempunyai masa depan yang lebih cerah dan berkebolehan. Perkhidmatan intervensi awal ini merangkumi terapi

pertuturan, terapi cara kerja, fisioterapi, nasihat pemakanan dan lain-lain, Rahim Kamarul Zaman (2020). Sokongan dan penglibatan ahli keluarga terhadap penjagaan dan pengendalian kanak-kanak berkeperluan khas sangat penting supaya proses tumbesaran dan perkembangan mereka seiring dengan perkembangan kanak-kanak seusia dengan mereka. Mereka dapat memberi manfaat kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat.

Intervensi awal kanak-kanak berfokus kepada peningkatan dalam kesihatan atau pencegahan bermulanya masalah mental, sosial dan tingkah laku melalui galakan perkembangan positif dan ketahanan serta program yang fokus kepada pencegahan perkembangan masalah yang telah timbul (Wise et al. 2005). Di Malaysia program intervensi awal kanak-kanak disediakan kepada kanak-kanak berkeperluan khas sejak lahir hingga 6 tahun. Fokus pelaksanaan intervensi awal adalah untuk meningkatkan perkembangan kanak-kanak dalam kemahiran asas seperti latihan ke tandas, kemahiran komunikasi, pengurusan diri, kemahiran sosial, kemahiran tingkah laku dan kemahiran pra akademik. Intervensi awal ini dapat meningkatkan kualiti hidup kanak-kanak dan dapat mengurangkan beban keluarga sama ada wang ringgit, masa atau penyediaan keperluan asas hidup mereka sekeluarga (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2022). Kewujudan program intervensi awal kepada kanak-kanak berkeperluan khas dapat membantu dalam memberikan cadangan aktiviti yang boleh meningkatkan kemampuan mereka supaya menjadi individu yang mempunyai masa hadapan yang lebih baik (Amirul & Mokhtar, 2020). Amalan yang boleh diimplementasikan dalam kehidupan harian yang mana boleh membantu ibu bapa dan kanak-kanak berkeperluan khas apabila intervensi dilaksanakan. Selain itu, tujuan intervensi awal adalah untuk meningkatkan kemahiran dan perkembangan kanak-kanak berkeperluan khas untuk mendapatkan langkah intervensi yang sepadan dan sesuai dengan ketidakbolehan mereka untuk membantu mereka bergaul dengan kanak-kanak seusia dengan mereka.

Berdasarkan tujuan yang telah dijelaskan, impak yang negatif mungkin akan berlaku jika kesedaran mendapatkan intervensi awal tidak disegerakan. Ini berdasarkan dapatan melalui Hasnah (2017), ibu bapa perlu memahami bahawa intervensi yang dijalankan boleh menghasilkan perkembangan yang lebih baik kepada kanak-kanak berkeperluan khas. Sebagai contoh anak yang tidak mampu bertutur dengan baik malah mempunyai tingkah laku agresif dan tidak mampu menguruskan diri secara berdikari apabila hendak ke tandas berkemungkinan apabila dewasa kelak mereka tidak mampu menampung hidup sendiri dan tidak mempunyai pekerjaan untuk meneruskan kehidupan mereka kerana mereka sangat bergantung sepenuhnya kepada ibu bapa dan ahli keluarga.

Sebaliknya jika kanak-kanak berkeperluan khas yang telah diberikan intervensi yang berkesan sejak dari kecil sehingga dapat memenuhi syarat ke kelas pendidikan khas dan belajar secara normal, mereka akan diberi peluang untuk ke sekolah dan seterusnya mendapatkan pendidikan yang sempurna. Secara tidak langsung kemahiran-kemahiran tertentu telah diberitahu kepada ibu bapa penjaga untuk diaplikasikan di rumah dan kehidupan masa hadapan mereka dapat dilalui dengan mudah dan teratur. Tuntasnya hanya intervensi yang berkesan dapat mengubah perkembangan kanak-kanak berkeperluan khas kepada kehidupan yang lebih baik.

Oleh yang demikian, meneroka dan mengimbas kembali pengalaman ibu bapa berkenaan pelaksanaan intervensi awal yang telah dilaksanakan kepada anak-anak mereka merupakan satu wadah penting untuk melihat keberkesanan dan implikasinya ke atas diri kanak-kanak itu sendiri. Tidak kisah sama ada pengalaman yang menyukarkan atau memudahkan sepanjang tempoh pengurusan dan pengendalian program intervensi awal. Malah dapat mengenalpasti jenis penglibatan ibu bapa dalam intervensi yang diperlukan oleh kanak-kanak berkeperluan

has. Misalnya motivasi diri, sumber kewangan, latihan terapi dan sebagainya. Kepentingan yang diperolehi daripada kajian ini juga dapat mengetahui implikasi yang diperolehi kanak-kanak berkeperluan khas apabila komitmen dan sokongan mereka terhadap perkembangan diri kanak-kanak berkeperluan khas lebih-lebih lagi apabila telah mencapai tahap sekolah rendah. Penguasaan kemahiran asas seperti kemahiran menggunakan tandas, komunikasi dua hala, melaksanakan arahan mudah, boleh meminta keperluan diri, dan sebagainya, Hasnah (2017).

Berdasarkan kajian ini, objektif yang hendak dicapai adalah untuk (i) mengetahui jenis perkhidmatan dalam intervensi awal kanak-kanak berkeperluan khas, (ii) mengenalpasti cabaran yang dihadapi semasa menjalani intervensi awal kanak-kanak berkeperluan khas, dan (iii) mengenalpasti implikasi kanak-kanak berkeperluan khas terhadap pembelajaran selepas mengikuti program intervensi awal kanak-kanak.

### **Kajian Literatur**

Kesibukan ramai ibu bapa yang bekerja untuk mencari sumber pendapatan kepada keluarga merupakan cabaran masa kini yang perlu dihadapi oleh kanak-kanak berkeperluan khas yang perlu menjalani intervensi awal. Intervensi awal adalah perkhidmatan dan sokongn yang diperlukan oleh kanak-kanak berkeperlun khas dan juga ibu bapa mereka. Berdasarkan Akta Orang Kurang Upaya (2008), kanak-kanak ini berhak mendapatkan hak pendidikan yang sama rata dengn kanak-kanak tipikal yang lain. Pendidikan ini penting untuk menjamin masa depan mereka dengan baik dan teratur. Pendidikan awal kanak-kanak ini memainkan peranan yang sangat penting untuk mengembangkan potensi dan persediaan untuk memasuki alam persekolahan. Peluang untuk mereka meningkatkan kemahiran, mereka perlu menjalani program pendidikan intervensi awal bagi mengembangkan potensi diri secara holistik sama ada dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

Di Amerika Syarikat amalan perkhidmatan intervensi awal telah dijalankan sejak bayi dalam kandungan lagi. Bagi kanak-kanak yang mempunyai ketidakupayaan mereka akan berikan terapi atau sokongan agar usaha yang tersusun ini dapat dikembangkan mengikut keupayaan mereka. Menurut Hora et al. (2022), intervensi yang dijalankan ke atas kanak-kanak berkeperluan khas terutamanya Autisme telah berkesan berdasarkan kesahan daripada penyelidikan-penyelidikan yang dijalankan oleh *National Autisme Center, National Professiona Development Center University of North Carolina*. Intervensi awal merupakan satu perkhidmatan yang perlu dilalui oleh kanak-kanak berkeperluan khas untuk mengurangkan ketidakbolehan mereka dan memberikan khidmat sokongan dan panduan kepada ibu bapa dan keluarga untuk melaksanakan intervensi yang sesuai kepada kanak-kanak kelainan upaya (Ratna, 2018). Dasar intervensi awal bagi kanak-kanak berkeperluan khas telah dikeluarkan oleh Public Law 90-5388 (1968) atau dikenali *Handicapped Children's Early Education Asistance Act*.

Polisi ini telah menyediakan peruntukan kewangan kepada keluarga yang mempunyai anak kelainan upaya khususnya pada peringkat bayi dan kanak-kanak prasekolah untuk menjalani program intervensi awal. Malah, Kementerian Pendidikan Malaysia telah merancang satu perkara yang bermanfaat kepada golongan kanak-kanak berkeperluan khas iaitu pendidikan yang berterusan melalui pusat-pusat simulasi dan intervensi awal telah dibuka yang telah dikendalikan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan serta Pemulihan dalam Komuniti (PDK). Usaha ini penting dan amat diperlukan supaya pendidikan awal dapat disediakan untuk mewujudkan suasana pembelajaran terbaik dan memberi kesan positif dalam hidup kanak-kanak berkeperluan khas.

Tujuan intervensi ini dilaksanakan adalah untuk memberi khidmat bantu kepada ibu bapa yang mengambil langkah tertentu supaya pengesanan awal dan rawatan dapat dilakukan dan berjaya mengurangkan atau meminimumkan keterukan ketidakupayaan permasalahan atau kecacatan yang dialami individu berkeperluan khas. Berdasarkan pendapat Hamizah et. al. (2021) kanak-kanak berkeperluan khas sangat memerlukan bantuan dan bimbingan di peringkat permasalahan mereka agar mereka tidak cenderung ke tahap yang lebih besar dan jika dibiarkan ke peringkat seterusnya akan mengalami konflik yang tidak boleh diselesaikan. Kajian yang dijalankan oleh Balikci OS & Melekoglu (2020) pula menyatakan kepentingan intervensi awal adalah untuk mengurangkan sesuatu kesan kurang upaya kepada pembelajaran dan mengelakkannya menjadi lebih ketara apabila kanak-kanak memasuki alam persekolahan. Menurut Akhararuddin et. al (2022) intervensi perlu diteruskan untuk membantu kanak-kanak meningkatkan kemahiran sosial dan keperluan asas mereka sehingga mereka mempunyai lebih banyak peluang untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan orang lain lebih-lebih lagi rakan sebaya mereka. Intervensi ini juga merupakan kaedah yang paling berkesan untuk mewujudkan kolaborasi antara ibu bapa dengan ahli pelbagai disiplin dan komuniti (Cook, Tessier & Klein, 1992) dalam artikel yang dikaji oleh Farhan & Mokhtar (2021). Beliau menyatakan dalam kajian mereka bahawa ibu bapa lebih tahu dan berkelayakkan untuk menilai perkembangan kanak-kanak bukan semata-mata bergantung kepada pihak lain. Interaksi ini dapat mengetahui perkembangan semasa kanak-kanak berkeperluan khas.

Program intervensi ini turut menyediakan khidmat sokongan kepada kanak-kanak dan keluarga dalam proses pencegahan daripada pertambahan masalah dan keterukan yang dialami, Kaiser, (2000). Amin dan rakan-rakan (2021) turut menyatakan bahawa sokongan daripada pelbagai pihak juga perlu diberikan kepada keluarga dan kanak-kanak yang mempunyai masalah atau ketidakupayaan agar mereka sentiasa berjuang dan tidak berputus asa untuk membantu meningkatkan kebolehan dan keupayaan anak mereka. Malah latihan kemahiran kepada ibu bapa mengikut keperluan anak turut diberikan agar ibu bapa dapat kendalikan anak mereka semasa berada di rumah. Melalui program intervensi juga khidmat sokongan tambahan yang bersesuaian seperti kaunseling, pembantu perubatan dan peruntukkan kewangan turut diberikan agar keluarga yang mengendalikan anak keperluan khas ini dapat menjalani kehidupan seperti orang lain juga. Program untuk memperkasakan diri ibu bapa dan ahli keluarga adalah program yang melibatkan sesi nasihat dan tunjuk ajar, bengkel, ceramah motivasi dan menyediakan sistem maklumat yang komprehensif agar keberkesanan sesi intervensi awal berjaya, Nawal Salehuddin et.al. (2021).

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Azam & Razak (2021) dalam perkhidmatan yang diperolehi adalah seperti perkhidmatan terapi dan kelas-kelas yang membantu untuk bahasa, fizikal, emosi kanak-kanak berkeperluan khas semasa menjalani intervensi awal. Terapi pelbagai sistem memudahkan ibu bapa, guru dan masyarakat untuk mengakses kepentingan dan kaedah terapi yang digunakan semasa sesi intervensi dijalankan. De Souza (2021) menyatakan perkembangan pendidikan kurikulum menekankan kepada kemahiran literasi melalui lima dimensi iaitu pengetahuan, kesejahteraan fizikal melibatkan pergerakan koordinasi tangan dan mata, kemahiran sosial, amalan belajar dan perkembangan kognitif dalam meningkatkan kemahiran dan tumpuan kanak-kanak semasa melaksanakan sesuatu kemahiran. Aktiviti fizikal yang dilaksanakan dalam program intervensi awal dapat memberikan peningkatan tahap IQ, fokus dan kemahiran berfikir kanak-kanak semasa sesi pembelajaran terutamanya.

Perkhidmatan intervensi hanya tertumpu kepada kawasan yang mempunyai ramai penduduk sahaja dan difokuskan kepada golongan berpendapatan tinggi. Dengan ekonomi masa kini yang lebih meruncing, kebanyakan keluarga kanak-kanak berkeperluan khas ini mempunyai sumber

ekonomi yang sederhana atau rendah. Menurut Aizan & Jamiah (2015), masalah kewangan keluarga menyebabkan mereka sukar untuk mendapatkan perkhidmatan intervensi dan rawatan yang terbaik untuk kanak-kanak berkeperluan khas. Isu ini juga dibincangkan dalam kajian dijalankan oleh Sahrman et.al (2020) yang menyatakan bahawa keluarga miskin berpendapatan rendah besar kemungkinann tidak mampu menghantar anak ke pusat intervensi awal malah mungkin mereka tidak mempunyai kenderaan sendiri untuk mendapatkan rawatan. Jarak antara temu janji berikutnya yang lama kadang kala mereka terlepas tarikh untuk mendapatkan perkhidmatan yang sebenarnya. Ibu bapa kanak-kanak autisme memerlukan wang dalam jumlah yang banyak bagi membiaya rawatan dan terapi yang dijalankan untuk anaknya (Marziah Zakaria & Shahirah Tauhaid, 2018)

Kebanyakan sokongan kepada golongan kelainan upaya datang daripada keluarga dan jaringan sosial yang terhad, mereka sangat bergantung kepada kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan yang baik dan bersesuaian dengan golongan yang memerlukan bantuan termasuklah dalam bentuk penjagaan gantian dan bantuan khusus seperti khidmat pendidikan. Apabila keperluan sokongan intervensi ini tidak dapat dipenuhi dengan baik, maka tidak hairanlah ahli keluarga terutama ibu bapa berhadapan dengan stress, tidak boleh kerja, dan kanak-kanak keperluan khas ini akan terus dilayan sambil lewa oleh keluarga dan masyarakat, Sahrman & Fatimah (2020). Cabaran ini disokong dengan pendapat Aspasia et.al (2019) yang menyatakan bahawa ibu bapa akan menjadi lebih tertekan semasa proses intervensi kerana mempunyai beban dari segi masa dan kewangan. Malah kekangan dari aspek aksesibiliti, pengasingan fizikal, konflik keluarga dan bebanan emosi, Aizan Sofia et. al (2016). Perkara ini disokong dan telah dijelaskan oleh kajian yang mana terdapat tujuh cabaran penjagaan anak kurang upaya di luar bandar Sabah.

Antaranya adalah kekerapan melakukan perjalanan jauh kerana tiada pakar yang berkhidmat di kawasan luar bandar, tempoh masa perjalanan yang lama, masalah pengangkutan, infrastuktur jalan yang tidak elok, perspektif masyarakat terhadap keluarga yang mempunyai kanak-kanak berkeperluan khas, temu janji yang jarak menyebabkan ibu bapa mendapatkan kemudahan rawatan serta terapi dan kesukaran untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti. Berdasarkan web Jabatan Kebajikan Masyarakat, pihak mereka telah menyediakan kemudahan dan keistimewaan kepada golongan kelainan upaya. Sharif & Jamil (2019) menyatakan bahawa ibu bapa kanak-kanak yang mempunyai anak yang kelainan upaya mempunyai cabaran untuk memenuhi keperluan dan pendidikan kanak-kanak berkeperluan khas. Kanak-kanak tersebut memerlukan rawatan, ibu bapa memerlukan sokongan profesional sama ada dari segi emosi dan psikologi. Ibu bapa kebiasaannya mengalami tekanan dalam mengasuh dan mendidik kanak-kanak tersebut.

Implikasinya kanak-kanak yang menerima intervensi awal mempunyai peluang yang lebih besar untuk hidup berdikari, mempunyai pekerjaan dan mampu membina talian persahabatan apabila dewasa kelak. Program intervensi yang dilaksanakan tepat pada masanya dapat memberikan pencegahan ketidakupayaan kanak-kanak malah dapat memaksimumkan potensi kanak-kanak berkeperluan khas apabila belajar, Saiful Azam (2020). Dalam kajian yang dijalankan oleh Eid A.M et. al. (2017) semasa menjalani latihan Behavioral Skills Training (BST) boleh meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam program intervensi menunjukkan peningkatan dalam kemahiran yang dipelajari terutamanya tingkah laku kanak-kanak berkeperluan khas. Kemahiran yang diajar sangat penting dan seharusnya dinikmati dengan lebih teliti dalam latihan intervensi yang telah disediakan. Secara tidak langsung pelaksanaan intervensi ini memberi sinar baru dan harapan kepada ahli keluarga kanak-kanak berkeperluan pendidikan khas agar dapat mengoptimumkan perkembangan mereka ke peringkat kanak-kanak

normal. Pendekatan berbentuk intervensi boleh diaplikasikan oleh ibu bapa bagi meningkatkan kemahiran sosial kanak-kanak berkeperluan khas bagi persediaan sebelum anak bersekolah secara formal.

Ibu bapa juga perlu tahu apa pendekatan atau strategi yang telah berjaya digunakan atau disahkan oleh kajian-kajian lepas. Ibu bapa yang telah memberikan didikan dan asuhan kepada kanak-kanak untuk menjadi insan yang berguna dengan melahirkan emosi yang betul memberi impak yang positif dalam diri mereka. Secara tidak langsung meningkatkan motivasi anak-anak berkeperluan khas untuk meneruskan langkah kehidupan menjadi orang yang berguna pada masyarakat. Pelbagai pendekatan serta kaedah yang berbeza diimplementasikan dalam diri kanak-kanak oleh ibu bapa supaya anak mereka berjaya menghadapi tekanan mahupun masalah semasa proses sosialisasi kelak (Mohd Suhaimi, 2018). Amalan mempraktikkan intervensi awal yang dilakukan oleh guru secara berterusan melalui kerjasama dan sokongan ibu bapa menunjukkan satu kaedah yang sangat berkesan. Amalan pendidikan memerlukan kesediaan dan penerimaan ibu bapa yang telah digunakan model yang sesuai untuk memudahkan, sistematik dan tidak perlu peralatan yang canggih dan boleh diaplikasikan di rumah dan di sekolah. Kanak-kanak yang mencapai tahap yang optimum dan berfungsi dengan baik akan membantu untuk memacukan peningkatan sistem iaitu dapat mengikuti program intervensi awal yang semakin diberi penekanan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dengan usaha yang komited, terancang dan berterusan perlu dilakukan pada semua peringkat.

### **Metodologi Kajian**

Reka bentuk kajian yang dijalankan adalah kajian kuantitatif deskriptif dengan kaedah retrospektif. Menurut Shahrul Arba'iah Othman, Norzaini Azman & Manisah Mohd Ali (2008) serta Miedel & Renolds (2000), kajian retrospektif merupakan bentuk kajian yang meninjau kembali pengalaman responden bagi mendapatkan maklumat tentang apa yang telah berlaku satu ketika dahulu bagi menjelaskan situasi kini. Pemilihan kaedah ini adalah sejajar dengan objektif kajian untuk mendapatkan retrospektif peserta kajian dengan lebih lanjut dan mendalam berkenaan implikasi pelaksanaan intervensi awal kanak-kanak terhadap pembelajaran di sekolah rendah. Lokasi kajian adalah di Negeri Johor. Menurut data Pendidikan Khas yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, pada tahun 2022 Negeri Johor merupakan negeri kedua tertinggi yang mempunyai murid berkeperluan pendidikan khas peringkat rendah yang ramai. Di daerah Johor Bahru sahaja mempunyai saiz populasi adalah 354 orang murid berkeperluan pendidikan khas sekolah rendah dan saiz sampel kajian yang diambil adalah 186 responden menurut Jadual Krijcie & Morgan, (1970). Soal selidik yang berjaya dikutip sebanyak 100%. Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan yang berfokus kepada ibu bapa yang telah mendapatkan perkhidmatan intervensi awal ke atas anak mereka.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian ini menggunakan soal selidik yang diedarkan secara atas talian. Soal selidik ini telah diadaptasikan daripada kajian yang dijalankan oleh Amirul & Mokhtar (2020) berkenaan perspektif. Instrumen soal selidik mengandungi empat bahagian iaitu, bahagian A berkenaan demografi responden yang mengandungi 5 soalan, bahagian B mempunyai 10 soalan yang merangkumi aspek jenis dan perkhidmatan yang diterima. Manakala Bahagian C berkenaan cabaran yang dihadapi sepanjang menjalankan intervensi awal sebanyak 7 soalan dan Bahagian D pula berkenaan implikasi pembelajaran di sekolah rendah selepas intervensi di jalankan sebanyak 8 soalan. Kedua-dua bahagian ini menggunakan *likert-type scale* kerana tiada ciri neutral kerana berdasarkan Rasch Model, jawapan responden yang diperolehi dan lebih meyakinkan kerana mereka perlu memberi pendapat dan mereka tidak dibenarkan untuk

menjadi responden atas pagar yang tidak memberi makna kepada dapatan yang diperolehi, Othman Talib, (2011). Jadi jawapan responden perlu memilih jawapan 4 mata iaitu 1- sangat tidak setuju, 2- tidak setuju, 3- setuju, dan 4-sangat setuju. Jumlah item yang dikemukakan dalam soal selidik yang diedarkan sebanyak 30 item. Soal selidik telah mendapat kesahan kebolehpercayaan daripada 3 orang pakar iaitu pegawai 3PK Jabatan Pendidikan Negeri, Pegawai Pendidikan Daerah dan Guru Pendidikan Khas yang telah mengajar lebih 10 tahun dalam perkhidmatan. *Cronbach's alpha* bagi item-item untuk mengkaji cabaran yang dihadapi ibu bapa sepanjang menjalani intervensi ke atas kanak-kanak berkeperluan khas mendapat skor sebanyak 0.941. Manakala *Cronbach's alpha* bagi item-item untuk mengkaji implikasi pembelajaran selepas menjalani intervensi awal mendapat skor sebanyak 0.95. Keputusan ini adalah tinggi dan memuaskan untuk mendapatkan kebolehpercayaan instrumen kajian.

### Prosedur Pengumpulan Dan Analisis Data

Permulaan dalam prosedur pengumpulan data, kebenaran Kementerian Pendidikan Malaysia, kemudian mendapat kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan soal selidik diedarkan kepada ibu bapa yang berkenaan. Soal selidik diedarkan melalui *google form* dan disebarkan melalui *telegram* dan *whats app*. Penganalisan data melibatkan statistik deskriptif menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 29.0. Analisis deskriptif menentukan kekerapan demografi dan jenis perkhidmatan intervensi yang diterima oleh kanak-kanak berkeperluan khas. Manakala cabaran yang dihadapi oleh ibu bapa mereka dapat dikenalpasti serta kajian dapat mengenal pasti implikasi yang diperolehi oleh kanak-kanak berkeperluan khas terhadap pembelajaran mereka semasa di sekolah rendah selepas mereka menjalani perkhidmatan intervensi awal. Kemudian data dianalisis menggunakan kekerapan (n), peratusan (%) bagi analisis demografi dan jenis perkhidmatan manakala bagi dapatan cabaran dan implikasi ditambah dengan skor min dalam setiap item. Setelah keputusan data diperolehi laporan yang lebih menyeluruh di peringkat akhir untuk memastikan objektif kajian dicapai dengan baik.

## Dapatan Kajian

### Analisis Demografi Reponden

Pada bahagian ini, analisis taburan demografi responden yang telah ditetapkan pada bahagian A. Ia merangkumi soal selidik seperti umur, jantina, bangsa, tahap pendidikan dan pendapatan keluarga. Taburan deskriptif profil demografi responden berdasarkan Jadual 1.

**Jadual 1: Analisis Demografi Responden dan Jenis Perkhidmatan Intervensi Awal**

Bil	Demografi	Huraian	Kekerapan (n)	Peratus (%)
A1	Umur	21- 30 tahun	64	34.4
		31- 40 tahun	96	51.6
		41 – 50 tahun	26	14.0
A2	Jantina	Lelaki	85	45.7
		Perempuan	101	54.3
A3	Kaum	Melayu	96	51.6
		Cina	43	23.1
		India	35	18.8
		Lain-lain	12	6.5
A4	Tahap Pendidikan	SPM	60	32.2
		Diploma	54	29.1
		Ijazah	62	33.3
		Master	7	3.8
		PHD	3	1.6



A5	Pendapatan Keluarga	RM 3000 ke bawah	20	10.8
		RM 3001 – RM 5000	94	50.6
		RM 5001 – RM 7000	62	33.2
		RM 7001 ke atas	10	5.4
B1	Jenis Perkhidmatan	Modifikasi tingkah laku	173	93.0
B2		Program Terapi	178	95.7
B3		Khidmat Nasihat	157	84.4
B4		Sokongan Moral	102	54.8
B5		Ceramah/ Taklimat	88	47.3
B6		Pengurusan Emosi	76	40.8
B7		Latihan dan Aplikasi	79	42.4
B8		Kewangan	60	32.3
B9		Peralatan kemudahan	83	44.6
B10		Lain-lain	96	51.6

Berdasarkan Jadual 1, umur responden yang tertinggi adalah pada umur 31 tahun hingga 40 tahun iaitu 96 responden (51.6%) manakala responden yang paling sedikit pada umur 41 hingga 50 tahun dengan jumlah 26 (14%). Responden berdasarkan jantina, golongan perempuan merupakan golongan yang paling ramai iaitu 101 orang (54.3%) dan lelaki 85 orang (45.7%). Manakala responden mengikut bangsa dari kategori lain-lain dengan bilangan yang paling rendah iaitu 12 orang (6.5%) dan kaum Melayu sebanyak 96 orang (5.6%). Dapatan kajian responden terhadap tahap pendidikan pula tahap Ijazah merupakan responden yang paling ramai dengan jumlah 62 (33.3%) dan tahap pendidikan PHD hanya mempunyai jumlah 3 (1.6%). Bagi pendapatan keluarga pula, responden yang diberikan terhadap kajian retrospektif ibu bapa mengenai intervensi awal kanak-kanak terhadap pembelajaran di sekolah rendah adalah RM 3001 hingga RM 5000 dengan jumlah sebanyak 94 (50.6%) merupakan responden yang paling tinggi manakala hanya 10 responden (5.4%) mempunyai pendapatan RM 7001 dan ke atas.

Dalam Jadual 1 juga terdapat maklumat responden berkenaan jenis-jenis perkhidmatan yang diterima dan diperlukan sepanjang menjalankan intervensi awal kepada kanak-kanak berkeperluan khas. Didapati perkhidmatan dalam menjalani program terapi merupakan perkhidmatan yang paling tinggi dengan bilangan sebanyak 178 orang (95.7%) diikuti dengan perkhidmatan modifikasi tingkah laku dengan bilangan 173 responden (93.0%). Masing-masing mempunyai respon yang banyak diterima sepanjang menjalani intervensi awal terhadap kanak-kanak berkeperluan khas. Manakala perkhidmatan yang paling kurang diterima oleh ibu bapa atau kanak-kanak berkeperluan khas adalah kemudahan peralatan iaitu dengan bilangan 83 responden bersamaan 44.6%.

### **Cabaran Pelaksanaan dan Implikasi Intervensi Awal Kanak-Kanak Terhadap Pembelajaran di Sekolah Rendah**

Terdapat 7 item yang dimasukkan ke dalam soal selidik pada bahagian C yang mana merupakan cabaran pelaksanaan yang dihadapi oleh responden semasa menjalankan intervensi awal kepada kanak-kanak berkeperluan khas. Manakala pada bahagian D soal selidik pula, responden perlu mengenalpasti 8 item implikasi atau kesan yang diperolehi daripada perkhidmatan yang diperolehi melalui program intervensi terhadap pembelajaran kanak-kanak berkeperluan khas di sekolah rendah. Maklumat dan data terperinci telah diringkaskan dalam Jadual 2.

**Jadual 2: Cabaran Pelaksanaan Implikasi Intervensi Awal Kanak-Kanak Terhadap Pembelajaran di Sekolah Rendah**

Bil	Item	Huraian	Kekerapan (n) Peratus (%)				Skor Min	Kedudukan
			Sangat Tidak Setuju 1	Tidak Setuju 2	Setuju 3	Sangat Setuju 4		
C1	Cabaran	Masa dan tuntutan kerja	24 12.9	26 13.9	36 19.4	100 53.8	<b>3.14</b>	3
C2		Wang dan kos	36 19.5	20 10.7	9 4.8	121 65.0	<b>3.16</b>	2
C3	Pengangkutan		93 50.0	30 16.1	20 10.7	43 23.2	<b>2.06</b>	7
C4		Jarak pusat intervensi	62 33.4	10 5.4	25 13.4	89 47.8	<b>2.75</b>	4
C5	Kurang faham pelaksanaan		95 51.1	15 8.1	20 10.7	56 30.1	<b>2.22</b>	6
C6		Keserasian bersama pakar/terapis	78 41.9	16 8.6	22 11.8	70 37.7	<b>2.45</b>	5
C7	Jarak temu janji seterusnya		24 12.9	10 5.4	10 5.4	142 76.3	<b>3.45</b>	1
D1		Implikasi	Bersedia untuk belajar	14 7.6	11 5.9	30 16.1	131 70.4	<b>3.49</b>
D2	Boleh mendengar arahan dan melaksanakannya		13 7.0	7 3.7	25 13.4	141 75.8	<b>3.58</b>	1
D3	Menyebut/menulis nama sendiri		29 15.6	24 12.9	18 9.6	115 61.9	<b>3.18</b>	7
D4		Memegang pensel dengan pegangan matang	42 22.6	22 11.9	20 10.7	102 54.8	<b>2.97</b>	8
D5	Boleh urus diri		29 15.6	10 5.4	9 4.8	138 74.2	<b>3.38</b>	3
D6		Keyakinan diri meningkat	31 16.7	20 10.7	15 8.1	120 64.5	<b>3.20</b>	6
D7	Kemahiran sosial dan komunikasi dua hala		28 15.1	13 7.0	20 10.7	125 67.2	<b>3.30</b>	4
D8		Hubungan baik dengan guru/rakan/ibu bapa	30 16.1	17 9.1	18 9.6	121 65.2	<b>3.24</b>	5

Berdasarkan Jadual 2 yang ditunjukkan, cabaran yang paling tinggi yang mencatat skor min 3.45 adalah cabaran jarak temu janji seterusnya yang mana mereka bersetuju terhadap kenyataan ini iaitu dengan jumlah 152 orang (81.7%) dan hanya 34 orang sahaja (18.3%) menyatakan tidak setuju dengan pernyataan cabaran ini. Seterusnya cabaran yang kedua tertinggi dengan catatan skor min sebanyak 3.16 adalah cabaran wang dan kos perbelanjaan

sepanjang melaksanakan program intervensi awal yang mana responden yang bersetuju berjumlah 130 orang dengan 69.8% dan hanya 56 orang sahaja yang menyatakan tidak bersetuju dengan peratus sebanyak 30.2%. Walau bagaimanapun, terdapat lima lagi cabaran yang mungkin dihadapi semasa pelaksanaan intervensi awal, namun ibu bapa harus melaluinya agar keberkesanan program intervensi yang dijalani memberi kesan yang maksimum kepada kanak-kanak berkeperluan khas.

Melalui soal selidik yang perlu dijawab oleh responden, implikasi atau kesan yang positif terhadap pembelajaran mereka dapat diimbis kembali oleh ibu bapa. Skor min yang paling tinggi adalah kanak-kanak dapat mendengar arahan dan melaksanakannya dengan catatan skor sebanyak 3.58 yang mana sebanyak 166 (89.2%) bersetuju terhadap pernyataan ini. Manakala implikasi kedua tertinggi adalah kanak-kanak ini bersedia untuk belajar di sekolah dengan mencatat skor min sebanyak 3.49 yang mana peratus setuju adalah 86.5% (161) dan hanya 25 orang (13.5%) sahaja tidak bersetuju dengan kenyataan ini.

### **Perbincangan**

Berdasarkan kepada taburan demografi, dapatan kajian menunjukkan bahawa jantina perempuan iaitu daripada golongan ibu-ibu kepada kanak-kanak berkeperluan khas lebih ramai memberi respon dan perhatian terhadap keperluan intervensi awal kanak-kanak. Keprihatinan dan tumpuan sebenarnya memang lahir dari naluri sebenar seorang ibu yang mana kasih sayang dan keperluan anak lebih diambil tahu dengan teliti. Berbanding golongan bapa, kasih sayang yang diberikan lebih tertumpu kepada pencarian rezeki dan memenuhi keperluan asas keluarga. Umur bagi responden adalah golongan dewasa pertengahan kerana kebanyakan responden mempunyai anak dalam lingkungan umur 7 tahun hingga 9 tahun. Imbas kembali pengalaman mereka berkenaan intervensi awal masih segar dalam ingatan mereka dan boleh memberi maklum balas yang jitu untuk berkongsi keberkesanan intervensi terhadap pembelajaran anak mereka di sekolah. Tahap pendidikan biasanya berkait rapat dengan pendapatan keluarga dalam menampung ekonomi keluarga. Dalam kajian ini mendapati tahap pendidikan ibu bapa adalah peringkat SPM hingga Ijazah. Jadi pendapatan mereka dalam lingkungan RM 3000 hingga RM 7000 mempengaruhi kedudukan status ekonomi mereka. Oleh itu, keperluan asas kepada anak-anak mereka yang berkeperluan khas dapat dipenuhi seperti kepentingan menjalani intervensi awal sangat diambil berat oleh ibu bapa. Sumber ekonomi mereka bagi menampung keperluan rumah seperti bayaran ansuran rumah, kereta, bil utiliti dan keperluan asas seperti makan dan pakaian mereka. Jumlah yang besar juga diperlukan untuk mereka menampung kehidupan pada masa kini. Mereka sanggup berhabis untuk anak-anak mereka terutamanya bagi kanak-kanak berkeperluan khas. Apabila pendidikan intervensi diberikan, maka kesan yang positif dapat dilihat terutamanya kesediaan kanak-kanak untuk belajar di sekolah rendah.

Jenis perkhidmatan intervensi yang diterima oleh kanak-kanak berkeperluan khas dan ahli keluarga adalah program terapi. Antara terapi yang dijalankan adalah terapi cara kerja, terapi pertuturan, fisioterapi dan sebagainya. Keperluan terapi ini sangat penting bagi membantu kanak-kanak berkeperluan khas meningkatkan kebolegunaan fungsi anggota badan mereka dan dalam masa yang sama dapat meningkatkan tumpuan mereka. Dapatan kajian ini didapati sama dengan artikel daripada Rahim Kamarul Zaman (2020), yang menyatakan bahawa pelaksanaan program intervensi awal ini juga adalah berdasarkan aktiviti-aktiviti yang boleh meningkatkan kemampuan mereka supaya menjadi individu yang mempunyai masa depan yang lebih baik. Intervensi awal merangkumi terapi pertuturan, terapi cara kerja, fisioterapi, nasihat pemakanan dan lain-lain.

Azam & Razak (2021) telah mendapati dalam kajiannya menyatakan perkhidmatan terapi dan kelas-kelas yang membantu untuk bahasa, fizikal, emosi kanak-kanak berkeperluan khas terdapat dalam intervensi awal. Terapi pelbagai sistem memudahkan ibu bapa, guru dan masyarakat untuk mengakses kepentingan dan kaedah terapi yang digunakan semasa sesi intervensi dijalankan. Oleh itu, berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan perkhidmatan nasihat dan sokongan daripada terapis akan membantu ibu bapa teknik dan cara yang betul untuk diberikan kepada anak-anak mereka dan boleh diaplikasikan di rumah juga. Khidmat terapi boleh didapati di pusat-pusat terapi seperti di hospital kerajaan atau swasta. Namun begitu, dapatan kajian mendapati cabaran yang dihadapi ibu bapa adalah tempoh untuk mendapatkan khidmat terapi mengambil masa yang lama untuk temu janji yang seterusnya. Ibu bapa sedar akan keberkesanan terapi terhadap anak mereka, namun mereka perlu menunggu giliran yang lama untuk mendapatkan perkhidmatan yang seterusnya. Walaupun mereka telah membantu anak mereka di rumah, untuk langkah seterusnya mereka masih bergantung kepada khidmat pakar seperti doktor atau ahli terapi yang bertauliah. Pernyataan ini disokong oleh Hamizah et. al. (2021) yang menyatakan bahawa kanak-kanak berkeperluan khas sangat memerlukan bantuan dan bimbingan di peringkat permasalahan mereka agar mereka tidak cenderung ke tahap yang lebih besar dan jika dibiarkan ke peringkat seterusnya akan mengalami konflik yang tidak boleh diselesaikan.

Faktor wang dan kos juga merupakan cabaran yang tinggi kepada ibu bapa kerana selain menampung keperluan keluarga, mereka perlu mendapatkan perkhidmatan intervensi lain untuk membantu anak-anak mereka meneruskan kehidupan secara berdikari. Jika bergantung sepenuhnya kepada perkhidmatan kerajaan, kemungkinan besar perkembangan kanak-kanak berkeperluan khas ini menjadi lambat. Oleh itu, ibu bapa sanggup berkorban wang ringgit untuk mendapatkan perkhidmatan dari pihak swasta dan NGO. Namun bayarannya tinggi. Misalnya perkhidmatan terapi, modifikasi tingkah laku dan program khidmat nasihat, ibu bapa sangat perlukan perkhidmatan sedemikian tetapi perkhidmatan sedemikian memerlukan tenaga pakar seperti guru yang berpengalaman, doktor, ahli pelbagai disiplin, ahli terapi, kaunselor dan pakar motivasi. Untuk mendapatkan khidmat mereka secara percuma masih kurang dimaklumkan, tetapi ianya boleh didapati dengan bayaran yang mungkin mencecah ratusan ringgit. Serta perkhidmatan sedemikian memerlukan konsistensi masa yang berterusan agar kanak-kanak berkeperluan khas dan ahli keluarga terdekat sentiasa berwaspada dengan tahap perkembangan anak-anak mereka.

Berdasarkan dapatan kajian, faktor cabaran masa dan tuntutan kerja mempengaruhi kepada tahap pendidikan mereka. Mereka perlu bekerja dan menguruskan keperluan anak lain dan rumahtangga. Untuk memenuhi keperluan intervensi awal juga mereka berasa kekangan kerana mereka perlu menumpukan kepada dua kerja iaitu memberi perhatian kepada kanak-kanak berkeperluan khas dan kerjaya mereka untuk menampung ekonomi keluarga. Ibu bapa membuat keputusan menghantar anak-anak mereka ke pusat intervensi dan menjalani kehidupan harian bersama ahli-ahli yang pakar. Atau salah seorang daripada ibu atau bapa akan berhenti kerja untuk memberi perhatian penuh kepada anak mereka yang kelainan upaya. Cabaran ini disokong Menurut Aizan & Jamiah (2015), masalah kewangan keluarga menyebabkan mereka sukar untuk mendapatkan perkhidmatan intervensi dan rawatan yang terbaik untuk kanak-kanak berkeperluan khas. Isu ini juga dibincangkan dalam kajian dijalankan oleh Sahrman et.al (2020) yang menyatakan bahawa keluarga miskin berpendapatan rendah besar kemungkinan tidak mampu menghantar anak ke pusat intervensi awal malah mungkin mereka tidak mempunyai kenderaan sendiri untuk mendapatkan rawatan. Jarak antara temu janji juga yang lama kadang kala mereka terlepas tarikh untuk mendapatkan perkhidmatan yang sebenarnya. Ibu bapa kanak-kanak autisme memerlukan wang dalam jumlah yang banyak

bagi membiayai rawatan dan terapi yang dijalankan untuk anaknya (Marziah Zakaria & Shahirah Tauhaid, 2018).

Kebersamaan ibu bapa bersama-sama pegawai pelbagai disiplin yang mengelola perkhidmatan intervensi awal kanak-kanak ini tidak dapat dipenuhi atas cabaran tuntutan kerja hakiki tersebut. Menurut Amin dan rakan-rakan (2021), latihan kemahiran kepada ibu bapa mengikut keperluan anak turut diberikan agar ibu bapa dapat kendalikan anak mereka semasa berada di rumah. Pusat intervensi awal yang rendah bayarannya sukar untuk didapati berbanding pusat intervensi swasta yang tumbuh bagai cendawan. Namun bayarannya tinggi. Bagi golongan yang berkemampuan, mereka boleh menghantar anak mereka ke pusat intervensi yang mahal tetapi bagi golongan ibu bapa yang mempunyai pendapatan sederhana perlu mengambil kira faktor yuran yang dikenakan. Mereka mengambil langkah untuk meletakkan anak jagaan mereka di rumah pengasuh atau dijaga oleh ahli keluarga yang tidak mempunyai kepakaran untuk membantu anak mereka.

Oleh yang demikian, implikasi daripada perkhidmatan intervensi awal yang diberikan kepada kanak-kanak berkeperluan khas ini memberi impak yang positif. Ibu bapa sedar akan kesannya terhadap pembelajaran anak mereka semasa berada di sekolah rendah. Kanak-kanak berkeperluan khas yang telah menjalani intervensi awal boleh mendengar arahan dan melaksanakan arahan tersebut. Mendengar arahan dan memahaminya menjadi asas kepada kesediaan murid untuk belajar di dalam kelas. Apabila kanak-kanak telah diberikan perkhidmatan intervensi yang berkesan, secara tidak langsung kanak-kanak ini boleh memberikan perhatian dan tumpuan sekurang-kurangnya 5 minit. Pembelajaran dalam durasi masa 5 minit memberi manfaat kepada kanak-kanak berkeperluan khas ini dan boleh meningkatkan koordinasi mata dan tangan untuk menyiapkan tugas yang diberikan oleh guru. Arahan mudah yang didengar juga dapat dilaksanakan dengan jayanya. Oleh itu, kanak-kanak berkeperluan khas ini boleh bersedia untuk belajar kemahiran-kemahiran yang diajar di sekolah. Peningkatan tumpuan terhadap pembelajaran dan keyakinan diri semasa di dalam kelas dapat ditonjolkan apabila mereka berjaya melaksanakan sesuatu tugas atau kemahiran. Misalnya kanak-kanak lebih berani bercakap di hadapan kelas kerana pertuturannya lebih jelas selepas mendapatkan perkhidmatan terapi pertuturan. Dalam masa yang sama komunikasi dua hala dapat diwujudkan. Akhararuddin et. al (2022) intervensi perlu diteruskan untuk membantu kanak-kanak meningkatkan kemahiran sosial dan keperluan asas mereka sehingga mereka mempunyai lebih banyak peluang untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan orang lain lebih-lebih lagi rakan sebaya mereka.

Komunikasi dua hala berkait rapat dengan peningkatan kemahiran sosial kanak-kanak di dalam kelas. Mereka akan bergaul dengan rakan sebaya dan berkomunikasi dengan guru untuk mendapatkan sesuatu keperluan. Antaranya pada waktu rehat, kanak-kanak lapar dan mereka hendak membeli makanan di kantin, mereka perlu menyatakan hasrat mereka untuk dipenuhi dengan cara berkomunikasi. Apabila mereka kenyang maka mereka tidak akan mengamuk atau bertingkah laku negatif. Mereka dapat memberi perhatian terhadap arahan guru seterusnya. Maka, apabila mereka boleh berkomunikasi dengan baik mereka dapat jalani kehidupan mereka dengan baik malah tingkah laku mereka juga dapat dikawal. Dalam masa yang sama, kanak-kanak juga boleh mengurus diri mereka sendiri. Penggunaan tandas adalah perkara penting untuk memenuhi keperluan fisiologi mereka.

Dalam perkhidmatan intervensi awal yang mereka jalani, modifikasi tingkah laku dapat diberikan seperti peraturan penggunaan tandas. Mereka akan diajar menguruskan diri seperti menggosok gigi, mandi dan membersihkan diri daripada najis. Kanak-kanak perlu memahami

arahan yang diberikan kemudian melaksanakannya. Dalam kajian yang dijalankan oleh Eid A.M et. al. (2017) semasa menjalani latihan Behavioral Skills Training (BST) boleh meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam program intervensi menunjukkan peningkatan dalam kemahiran yang dipelajari terutamanya tingkah laku kanak-kanak berkeperluan khas. Pergerakan motor kasar yang dipelajari semasa terapi cara kerja membantu mereka menguruskan diri dengan baik dan bersih. Kesannya mereka boleh belajar dengan selesa dan memberi perhatian kepada sesi pembelajaran di dalam kelas.

Hubungan baik antara ibu bapa dengan guru, kanak-kanak berkeperluan khas dengan rakan sebaya serta ibu bapa dengan ahli terapi juga dapat diwujudkan apabila perkhidmatan intervensi ini dijalankan. Ibu bapa akan memaklumkan perkembangan anak mereka di rumah kepada guru dan ahli terapi dan guru atau ahli terapi juga akan memaklumkan perkembangan terkini juga akan dimaklumkan kepada ibu bapa. Program yang memperkasakan diri ibu bapa dan ahli keluarga adalah program yang melibatkan sesi nasihat dan tunjuk ajar, bengkel, ceramah motivasi dan menyediakan sistem maklumat yang komprehensif agar keberkesanan sesi intervensi awal berjaya, Nawal Salehuddin et.al. (2021). Kesenambungan kemahiran dapat diteruskan di rumah mengikut amali atau cara yang betul semasa ibu bapa membantu kanak-kanak berkeperluan khas untuk mengurangkan ketidakbolehan mereka. Kemahiran sosial kanak-kanak juga dapat ditingkatkan dengan menjalinkan hubungan baik antara rakan sebaya. Mereka dapat bermain bersama, belajar bersama serta melakukan aktiviti bersama-sama rakan sebaya dan secara tidak langsung perkembangan mereka adalah setara dan menjurus kepada perkembangan kanak-kanak tipikal.

### **Kesimpulan**

Intervensi awal kanak-kanak perlulah dijalankan secara konsisten dan berterusan untuk memberi ruang kepada kanak-kanak berkeperluan khas meningkatkan kemahiran keupayaan dan mengurangkan ketidakbolehan mereka untuk menjalani kehidupan harian mereka secara berdikari. Mereka tidak perlu bergantung sepenuhnya kepada bantuan ahli keluarga dan orang terdekat kerana mereka boleh menguruskannya dengan baik walaupun secara minimal. Ibu bapa memainkan peranan penting untuk menilai perkembangan kanak-kanak berkeperluan khas disamping bantuan daripada pihak-pihak yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing. Adalah penting untuk ibu bapa menghadapi cabaran yang rumit untuk meneruskan perkhidmatan intervensi anak untuk menampung ketidakbolehan mereka sama ada fizikal, emosi, sosial dan komunikasi. Perkhidmatan intervensi yang diberikan mempengaruhi perkembangan dan kesediaan anak semasa berada di sekolah rendah. Pembelajaran yang baik dapat menjadikan kanak-kanak berkeperluan khas dapat jalani kehidupan seperti kanak-kanak tipikal yang lain. Oleh itu, dengan memberikan tumpuan dan perhatian lebih kepada mereka kita tidak akan berpeluang untuk melihat perkembangan dan membantu mereka bagi memenuhi kehendak dan keperluan mereka dengan sempurna.

### **Rujukan**

- Addison S. 2003. Early intervention matters. *The Exceptional Parent* 33: 141-5. American Psychiatry Association. 2000. Diagnostic and statistical manual of mental disorders. Ed. Ke-4. Washington: American Psychiatric Association
- Akharuddin, N. A., & Yasin, M. H. M. (2022). Penggunaan Qalamiy Meningkatkan Kemahiran Menulis Huruf Murid Berkeperluan Khas [Using Qalamiy Improves Letter Writing Skills Students With Special Needs]. *International Journal Of Advanced Research In Islamic Studies And Education*, 2(3), 88-101.

- Aizan Sofia Amin., & Jamiah Manap. (2015). Geografi, Kemiskinan Dan Wanita Kurang Upaya Di Malaysia. *Geografia Malaysia Journal Of Society And Space*, 11(7), 82-91. Diperoleh Dari [Http://Ejournal.Ukm.My/Gmjss/ArticelE/View/18792](http://Ejournal.Ukm.My/Gmjss/ArticelE/View/18792).
- Amin, A. S., Ayu, H. M., & Manap, J. (2020). Perkhidmatan Sokongan Bagi Keluarga Yang Mempunyai Anak Masalah Pembelajaran Di Luar Bandar (Support Services For Families Of Children With Learning Disabilities In Rural Areas). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 34(3).
- Ariffin, M. S., & Abdullah, F. (2020). Cabaran Dalam Penjagaan Orang Kurang Upaya Daripada Perspektif Kerja Sosial Perubatan (The Challenges In Caregiving Persons With Disabilities From The Medical Social Work Perspectives). *The Malaysian Journal Of Social Administration*, 14(2), 96-115.
- Azam, S. B. M., & Abd Razak, N. M. A. (2020). Terapi Pelbagai Sistem Dalam Program Pemulihan Berasaskan Keluarga Untuk Kanak-Kanak Yang Berkonflik Dengan Undang-Undang; Kertas Konseptual. *The Malaysian Journal Of Social Administration*, 14(1), 115-137.
- Balikci, O. S., & Melekoglu, M. A. (2020). Early Signs Of Specific Learning Disabilities In Early Childhood. *International Journal Of Early Childhood Special Education*, 12(1), 84-95.
- Douglas, S. N., Meadan, H., & Schultheiss, H. (2022). A Meta-Synthesis Of Caregivers' Experiences Transitioning From Early Intervention To Early Childhood Special Education. *Early Childhood Education Journal*, 50(3), 371-383
- Hasnah Toran. (2017). *Autisme: Panduan Ibu Bapa*. terbitan Ryadh. Kedah Darul Aman. Malaysia.
- Hashim, K. E., Mohammad, N., Raus, N. M., & Dan Sunnah, P. Q. (2022). Kelestarian Pendidikan Anak Kurang Upaya: Pandangan Daripada Perspektif Maqasid Syariah Memelihara Akal Dan Intelektual (Hifz Aqli).
- Hora, C. L. D., & Sella, A. C. (2022). Evaluation Parameters For Evidence-Based Practices For People With Autism Spectrum Disorder: A Narrative Review Of Group And Single-Subject Design Studies. *Psicologia: Reflexão E Crítica*, 35.
- JKM. (2021). Jabatan Kebajikan Masyarakat. [www.jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my). KPM. (2021). Kementerian Pendidikan Malaysia. [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)
- Rudy, L. J. (2020). Types Of Support Groups For Parents Of Special Needs Children, Verywell Family. Caring For Special Needs Kids. Dimuat Turun Dari <https://www.verywellfamily.com/support-groups-for-parents-of-special-needs-children> 4155146 Pada 22 Julai 2022
- Sharif, M. H. M., & Jamil, N. A. (2019). Cabaran Ibu Bapa Bersama Kanak-Kanak Kecelaruhan Spektrum Autisme: Tinjauan Literatur. *Jurnal Sains Sosial*, 4(1), 33-43.
- Solehuddin, N., Rapini, A. M., Dimon, Z., Bahari, N. I., Dan Undang-Undang, F. S., Hashim, N. M., & Khalil, N. D. M. (2021) Sistem Sokongan Kekeluargaan Terhadap Orang Kurang Upaya Pendengaran: Satu Kupasan Awal.
- Takom, L., Bullare, M. I., & Nawati, N. H. M. (2019). Cabaran Dalam Mengekalkan Kesihatan Anak Kurang Upaya Di Luar Bandar Dan Pedalaman Sabah. *E-Bangi*, 16(5), 1-18.
- Viegas, Â. A., Mendonça, V. A., Pontes Nobre, J. N., Souza Morais, R. L. D., Fernandes, A. C., Oliveira Ferreira, F. D., & Rodrigues Lacerda, A. C. (2021). Associations Of Physical Activity And Cognitive Function With Gross Motor Skills In Preschoolers: Cross-Sectional Study. *Journal Of Motor Behavior*, 1-16.
- Zaman, R. K., Azid, M. A. A., Nasir, K., & Nordin, M. K. C. (2020). Integrasi Terapi Rabbani Dalam Rawatan Rehabilitasi Seliaan Yayasan Orang Kurang Upaya Kelantan (Yokuk).